



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426
✉ ukk@dof.gov.my
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(112)

SIARAN MEDIA

KARNIVAL myAP DAN myKP BANTU USAHAWAN PROMOSI PRODUK PERIKANAN


1 JUN 2024, BUKIT MERTAJAM - Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan Hussain, hari ini merasmikan Karnival myAgroprenur (myAP) dan myKomuniti Perikanan (myKP) Zon Utara 2024. Karnival yang berlangsung selama dua hari bermula pada 1 hingga 2 Jun ini mengumpulkan 18 usahawan dari tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Karnival myAP dan myKP yang mendampingi penduduk setempat ini diadakan sebagai platform membantu usahawan mengembangkan serta mempromosikan pasaran produk tempatan terus kepada masyarakat.

Program Rasa-Rasa Akuakultur turut diadakan sebagai sebahagian pengisian karnival bagi mempromosikan produk akuakultur iaitu dua spesies tumpuan baharu iaitu laktut dan ikan susu. Pengunjung berpeluang melihat, merasa dan menikmati produk berasaskan akuakultur yang sekaligus mampu merangsang permintaan pasaran dan penggunaan produk.

Ketua Pengarah Perikanan Dato' Adnan Hussain berkata tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Perlis dan Kedah telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM756,800 bagi tujuan memperkasakan tahap keusahawanan dan kemahiran teknikal di setiap negeri.

"Sehingga tahun 2024, Jabatan Perikanan telah berjaya membangunkan 91 projek Program myAP dan myKP di Zon Utara iaitu 24 projek di Pulau Pinang, 51 di Kedah dan 16 di Perlis. Keseluruhan projek ini telah menyumbang kepada nilai ekonomi berjumlah RM22 juta setahun. Produk perikanan utama di negeri utara adalah ikan pekasam dan keropok lekor dengan nilai jualan tahunan sebanyak RM4.7 juta bersamaan 21%," ujarnya.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Pada majlis yang sama, Dato' Adnan menyampaikan Sijil Ketua Jaringan Perikanan (KJP) kepada tiga wakil KJP negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Beliau turut menyampaikan cek cura bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Pengembangan (SpeKS) pengembangan dan akuakultur dengan jumlah keseluruhan RM829,310 kepada tiga negeri tersebut. Turut diserahkan adalah cek cura bantuan Program Bantuan Integrasi Akuakultur (PPIA) bernilai RM1.08 juta kepada penternak akuakultur Pulau Pinang.

Karnival ini dimeriahkan dengan pameran, promosi dan jualan produk perikanan, uji rasa dan pertandingan hidangan laktut, klinik enjin sangkut, aneka kuiz interaktif serta sesi sembang santai bersama DOF.

Dato' Adnan juga turut meluangkan masa melawat 17 reruai dan menyantuni usahawan-usahawan yang mengambil bahagian dalam karnival ini. Hadir sama, Pengarah Bahagian Pengembangan Perikanan, Puan Khazlita Adzim Abdol Aziz dan Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Cik Zarina Zainuddin.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my